

PANDANGAN ORANG BUKAN ISLAM TERHADAP PERUNTUKAN HAK MEMBINA RUMAH IBADAT: KAJIAN DI KALANGAN KAUM CINA DI DAERAH KINTA, PERAK

NON-MUSLIM PERSPECTIVES ON THE PROVISION OF RIGHTS TO CONSTRUCT PLACES OF WORSHIP: A STUDY AMONG THE CHINESE COMMUNITY IN THE KINTA DISTRICT, PERAK

Masthurhah Ismail^{1*}

Mohamad Zaidi Abd Rahman²

Fathiah Fathil³

Mohamad Zahirwan Halim Zainal Abidin⁴

Juriah Mohd Amin⁵

Siti Nadiyah Mohd Ali⁶

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia
(E-mail: masth080@uitm.edu.my)

² Department of Siasah Syar'iyah, Academy of Islamic Studies, University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia,
(Email: mzaidi@um.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia
(E-mail: fathi397@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia
(E-mail: mohdz560@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia
(E-mail: juria876@uitm.edu.my)

⁶ Programme of Real Estate Management, Department of Built Environment Studies & Technology, College of
Built Environment, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak, Malaysia,
(E-mail: sitin190@uitm.edu.my)

*Corresponding author: masth080@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ismail, M., Rahman, M. Z. A., Fathil, F., Abidin, M.
Z. H. Z., Amin, J. M. & Ali, S. N. M. (2025).
Pandangan orang bukan Islam terhadap peruntukan
hak membina rumah ibadat: Kajian di kalangan kaum
cina di daerah Kinta Perak. *Journal of Islamic, Social,
Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 623 -
636

Abstrak: *Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama. Kebebasan beragama telah diperuntukkan melalui Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks kebebasan beragama ini peruntukan bagi pembinaan rumah ibadat bukan Islam sering menjadi topik yang hangat dan penting kerana ia berkaitan dengan keperluan masyarakat minoriti. Oleh itu pandangan mereka terhadap peruntukan membina rumah ibadat ini memberi gambaran terhadap kefahaman, penerimaan serta pengalaman mereka dalam sistem pentadbiran sedia ada. Penyelidikan ini bertujuan mengenal pasti isu berkaitan rumah ibadat kaum Cina di daerah Kinta Perak dan menganalisis pandangan mereka terhadap peruntukan hak mendirikan rumah ibadat orang bukan Islam di Malaysia. Kajian ini adalah kajian kes dan lapangan menggunakan kaedah tinjauan dan temu bual. Temu bual yang dilakukan ke atas ahli*

jawatankuasa rumah ibadat di daerah Kinta dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif kualitatif untuk meringkas dan menggambarkan data kualitatif hasil pemerhatian dan temu bual dengan responden. Hasil kajian menunjukkan masyarakat Cina di daerah Kinta Perak berpendapat wujud hak kebebasan mengamalkan ajaran agama tanpa sebarang gangguan di rumah ibadat mereka. Ini kerana mereka tidak pernah menghadapi situasi diganggu oleh mana-mana pihak yang mewakili pihak kerajaan atau orang awam. Malahan tiada seorang pun responden menyatakan berhadapan perkara sedemikian atau dibawa isu amalan di mahkamah sivil. Namun begitu mereka merasakan terdapat kekangan dari segi proses mendapat kelulusan tanah, birokrasi yang panjang tempohnya, dan ketelusan dalam memberi peruntukan. Ada yang berpendapat walaupun secara prinsipnya kebebasan itu wujud, ia tidak dilaksanakan secara saksama antara semua kaum dan agama. Responden juga menyarankan agar garis panduan pembinaan rumah ibadat diperjelaskan dan dipermudahkan dan pihak berkuasa tempatan dan berharap agar wujud sistem yang lebih telus, adil serta efisien dalam urusan mendirikan rumah ibadat mereka. Mereka juga menekankan dialog antara komuniti agama dengan pihak berkuasa agar dasar-dasar berkaitan rumah ibadat dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan saksama. Penemuan ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik mengenai keharmonian antara agama dan merangka dasar yang lebih inklusif bagi memastikan hak kebebasan beragama dihormati oleh semua pihak.

Kata kunci: *Hak Beragama, Rumah Ibadat, Kaum Cina, Kebebasan Beragama, Malaysia*

Abstract: *Malaysia is a country with a multi-ethnic and multi-religious population. Freedom of religion is enshrined in the Federal Constitution. Within this context, the provision for the construction of non-Muslim places of worship has frequently become a prominent and important topic, as it pertains to the needs of minority communities. Therefore, their views on this provision offer insights into their understanding, acceptance, and experiences within the existing administrative system. This study aims to identify issues related to Chinese places of worship in the Kinta district of Perak and to analyse their perspectives on the provision of rights to construct non-Muslim places of worship in Malaysia. This research adopts a case study and fieldwork approach using surveys and interviews. Interviews conducted with committee members of places of worship in the Kinta district were analysed using qualitative descriptive statistical analysis to summarise and interpret qualitative data obtained through observations and interviews with respondents. The findings indicate that the Chinese community in the Kinta district believes that they possess the right to practise their religion freely without interference in their places of worship. This is because they have not encountered any form of disturbance from government representatives or members of the public. In fact, none of the respondents reported facing such issues or being brought to civil court over religious practices. However, they noted constraints in the process of obtaining land approval, prolonged bureaucratic procedures, and a lack of transparency in the allocation of provisions. Some respondents opined that although the principle of religious freedom exists, its implementation is not equally applied across all ethnic and religious groups. The respondents also recommended that guidelines for the construction of places of worship be clarified and simplified by local authorities, and that a more transparent, fair, and efficient system be established to facilitate the construction of their places of worship. They also emphasised the importance of dialogue between religious communities and authorities to ensure that policies related to places of worship are implemented more comprehensively and equitably. These findings contribute to a deeper understanding of interfaith harmony and the development of more inclusive policies to ensure that the right to religious freedom is respected by all parties.*

Keywords: *Right to Religion, Places of Worship, Chinese Community, Religious Freedom, Malaysia*

Pengenalan

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk terdiri dari pelbagai kaum dan agama termasuk Islam, Budha, Hindu, Kristian dan kepercayaan Animisme serta kepercayaan tradisional yang lain. Perlembagaan Persekutuan secara jelas menjamin kebebasan beragama melalui Perkara 11 iaitu memberi hak kepada setiap individu untuk menganut dan mengamalkan agama secara aman dan damai. Walaupun Islam merupakan agama rasmi Persekutuan, hak penganut agama lain untuk membina rumah ibadat turut diiktiraf. Namun begitu dalam realiti pelaksanaan pembinaan rumah ibadat bukan Islam seringkali berdepan pelbagai cabaran seperti kekangan peruntukan tanah, proses kelulusan yang rumit, sensitiviti masyarakat setempat dan campur tangan pihak berkuasa tempatan. Hal ini menimbulkan pelbagai persepsi dan tanggapan dalam kalangan masyarakat bukan Islam terutamanya berkaitan keadilan dan ketelusan sistem yang diguna pakai.

Tajuk ini menjadi penting untuk dikaji kerana ia menyentuh secara langsung aspek kebebasan beragama, hak minoriti, serta keharmonian antara agama di Malaysia. Pandangan orang bukan Islam terhadap peruntukan membina rumah ibadat bukan sahaja mencerminkan tahap kepuasan mereka terhadap dasar sedia ada, tetapi memberi petunjuk kepada sejauh mana prinsip toleransi dan keadilan sosial diamalkan dalam masyarakat. Kajian ini memberi fokus kepada kaum Cina di daerah Kinta Perak sebagai satu kajian kes dan kajian lapangan memandangkan daerah ini mempunyai kepadatan penduduk bukan Islam yang tinggi serta sejarah panjang dalam pembangunan rumah ibadat pelbagai kaum dan agama. Melalui kajian ini, diharap dapat merungkai cabaran sebenar yang dihadapi oleh komuniti bukan Islam serta bagaimana pandangan mereka dapat membantu menambah baik dasar dan pelaksanaan berkaitan pembinaan rumah ibadat di Malaysia.

Latar Belakang Kajian

Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh manusia sebagai panduan bagi menjamin kehidupan yang sejahtera di dunia dan di akhirat. Islam juga menetapkan prinsip bergaul dengan semua manusia yang terdiri dari berbagai jenis bangsa dan agama dalam negara Islam dan berusaha menjaga prinsip-prinsip ini dengan dua cara iaitu (Audah, t.t: 33) iaitu: Pertama, mewajibkan orang ramai menghormati hak orang lain yang berbeza pegangan agama. Sesiapa pun tidak dibenarkan memaksa orang lain menganut atau meninggalkan agama yang dikehendaknya. Sesiapa yang menentang kepercayaan orang lain mesti mendatangkan hujah dengan cara yang baik, sekiranya hujahnya tidak diterima maka hendaklah berlapang dada serta tidak boleh memaksa atau menekan mereka. Kedua, mewajibkan penganut Islam sendiri beramal untuk menjaga akidahnya dan tidak mengambil sikap negatif, jika sukar menjaga akidahnya di tempatnya maka dia wajib berhijrah ke tempat yang menghormati akidahnya. Jika dia mampu berhijrah tetapi tidak berhijrah maka dia menzalimi dirinya sendiri. Sekiranya dia tidak mampu berhijrah maka Allah SWT tidak mentaklifkan ke atasnya. Islam adalah agama yang mengakui hak dan kebebasan beragama terhadap orang bukan Islam dalam negara Islam, bahkan Islam membenarkan orang-orang bukan Islam melaksanakan syiar-syiar agama mereka sebagaimana yang mereka kehendaki sehingga Islam mengistilahkan orang bukan Islam sebagai *ahl al-Dhimma* iaitu ahli yang berada di bawah lindungan Islam (Al-Kharbutli, 1969: 95).

Firman Allah SWT dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 256 dengan mafhumnya tidak ada paksaan dalam agama ini menjelaskan hak kebebasan beragama adalah merupakan salah satu dari asas-asas Islam. Allah meletakkan kaedah ini kerana manusia di atas muka bumi ini berbagai-bagai bangsa serta mempunyai pandangan dan pegangan tersendiri (Barakat, 1990: 69). Pengiktirafan ini juga dapat kita saksikan pada zaman Rasulullah S.A.W dan zaman *Khulafak al-Rasyidin*. Orang bukan Islam dibenarkan untuk mengamalkan ajaran agama, membina rumah ibadat dan diperuntukkan tanah untuk membina perkuburan mereka sebagaimana yang mereka kehendaki sehingga Islam menamakan mereka sebagai *ahl al-Dhimma* iaitu ahli yang berada di bawah lindungan Islam (Yaakob, 1986:66).

Dalam sistem pemerintahan negara Islam hak dan kebebasan rakyat atau warganegara bukan hanya diperuntukkan kepada orang Islam sahaja bahkan orang bukan Islam juga turut diberi jaminan memperolehi hak mereka dalam negara Islam. Secara jelasnya kita melihat bahawa Islam adalah agama yang mengisytiharkan kebebasan kepercayaan manusia seluruhnya dan bertolak ansur dengan orang-orang bukan Islam sama ada *ahl al-Kitab* dan *bukan ahl al-Kitab* yang dianggap sebagai *ahl al-Dhimma* selama mana mereka tidak menentang dan memusuhi Islam.

Pernyataan Masalah Kajian

Hak beragama orang bukan Islam merangkumi hak menyebar agama, hak membina rumah ibadat, hak mengamalkan ajaran agama dan hak perkuburan masih menjadi isu yang sentiasa wujud termasuklah di negeri Perak. Terdapat banyak isu-isu yang timbul berkaitan dengan orang bukan Islam dalam negara seperti isu penternakan babi, isu orang bukan Islam masuk ke dalam masjid, isu kalimah Allah, isu orang bukan Islam membaca al-Quran, isu kepimpinan, batasan adik beradik yang masih bukan Islam, isu pembinaan rumah ibadat, tanah perkuburan dan lain-lain isu berkaitan dengan hak beragama orang bukan Islam di Malaysia. Isu rumah ibadat orang bukan Islam adalah salah satu isu yang perlu diselesaikan oleh pihak berkuasa tempatan dan pemerintah. Isu binaan rumah ibadat yang banyak, kedudukan tempat binaan, status tanah, binaan di gua batu kapur dan pendaftaran binaan.

Di negeri Perak, Isu binaan rumah ibadat di gua batu kapur di Simpang Pulai dan Ampang Ipoh telah mendapat perhatian pihak Kerajaan untuk menyusun langkah penyelesaian. Kerajaan negeri Perak telah mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa Khas yang dikendalikan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah Kinta (PDT) bagi menangani isu rumah ibadat yang dibina di bawah bukit dan di dalam gua batu kapur di daerah Kinta (Ahmad: 2022). Isu perobohan kuil Sri Maha Mariamman yang terletak dalam halaman Pusat Koreksional Kamunting (KEMTA) di Taiping Perak yang dibina di atas tanah Kerajaan Persekutuan yang dimiliki oleh Jabatan Penjara dikatakan isu rasis oleh Ramasamy s/o Palanisamy yang merupakan Timbalan Pengerusi parti DAP Pulau Pinang yang juga Timbalan Menteri Pulau Pinang (2008-2023). Hakikatnya pembinaan kuil itu adalah tidak mematuhi undang-undang iaitu membina di tanah milik Kerajaan Persekutuan (Mohamad: 2020). Pihak pengurusan Tokong Nam Thean Tong di Gunung Rapat bersebelahan Tokong Sam Poh Tong telah menerima notis Pejabat Tanah Daerah Kinta agar mengosongkan gua berkenaan dalam tempoh 30 hari. Sebanyak 19 Tokong dibina di gua-gua di sekitarnya turut diberi notis yang sama dan akan berdepan dengan tindakan (Bernama, Astro Awani: 2022). Isu-isu yang pernah berlaku ini perlu diambil perhatian serius oleh pemerintah ke arah menyelesaikan isu-isu yang berlaku dengan penuh kebijaksanaan dan mengikut panduan agama Islam bagi mengekalkan keharmonian negara.

Sorotan Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum iaitu Melayu berjumlah 513,640 orang, bumiputera bukan Melayu 49,712 orang, Cina 78,033 orang, India 44,013 orang, lain-lain 2,163 orang, bukan warganegara 24,941 orang, Jumlah keseluruhan penduduk Malaysia ialah 33.4 juta pada 2023 (<http://www.permohonan.my/>). Penduduk Malaysia mengikut pecahan negeri adalah Selangor 7.2 juta, Sabah 3.59 juta, Johor 4.1 juta, Sarawak 2.5 juta, Perak 2.5 juta, Kedah 2.2 juta, Kelantan 1.8 juta, Pulau Pinang 1.77 juta, Kuala Lumpur 1.99 juta, Pahang 1.6 juta, Terengganu 1.2 juta, Negeri Sembilan 1.2 juta, Melaka 1.0 juta, Perlis 0.3 juta, Putrajaya 0.1 juta dan Labuan 0.1 juta (<http://www.permohonan.my/>). Negeri Perak mempunyai keluasan tanah 21,146 km persegi dengan kepadatan penduduk 119 orang per km persegi. Perak mempunyai 13 daerah dan Hulu Perak merupakan daerah terbesar dengan keluasan tanah 6,613 km persegi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021: 3). Penduduk negeri Perak menurut statistik negeri Perak 2021 berjumlah seramai 2,515,800 orang, warganegara 94.8% (Bumiputera 61.2%, Cina 27.0%, India 11.4%, lain-lain 0.4%) dan bukan warganegara 5.2% (Jabatan Perangkaan Malaysia: 2021). Negeri Perak terdiri dari tiga belas daerah iaitu Bagan Datok, Batang Padang, Hilir Perak, Hulu Perak, Kampar, Kinta, Kuala Kangsar, Larut & Matang, Kerian, Selama, Manjung, Mualim dan Perak Tengah (<https://www.perak.gov.my/index.php/kerajaan-negeri/data/my-local-stats/daerah>). Di Negeri Perak pada tahun 2025 jumlah rumah ibadat muslim iaitu masjid adalah 498 dan bukan muslim adalah 445 di negeri Perak (Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040:3). Berdasarkan Unjuran Kemudahan Keagamaan Mengikut Daerah Di Negeri Perak Sehingga Tahun 2040 menunjukkan penduduk Islam dan bukan Islam, secara keseluruhannya kemudahan keagamaan (masjid) masih belum mencukupi bagi sesetengah daerah terutama di Daerah Kinta, Kuala Kangsar dan Manjung. Bagi kemudahan keagamaan bukan Islam juga di dapati belum mencukupi terutama di Daerah Kinta, Perak Tengah dan Kerian. Manakala keperluan tanah perkuburan sehingga tahun 2040 di negeri Perak adalah mencukupi. Keperluan semasa masih dapat menampung keperluan penduduk sehingga tahun 2040 berdasarkan piawaian yang ditetapkan seperti dalam jadual 11 (Laporan Pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040).

Daerah Kinta merupakan salah satu daerah dalam negeri Perak yang mempunyai penduduk yang paling padat di Perak. Majoriti penduduk Kinta menetap di bahagian utara iaitu Ipoh yang merupakan ibu negeri Perak. Bandar terbesar di daerah ini ialah Bandaraya Ipoh dan bandar-bandar lain di daerah Kinta ialah Batu Gajah, Chemor, dan Tambun. Populasi penduduk daerah Kinta pada 2020 ialah 800,700 iaitu warganegara 772,300 (Bumiputera 341,200, Cina 324,000, India 104,500 dan lain-lain 2,600) dan bukan warganegara 28,300 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Tumpuan utama daerah Kinta ialah industri, pusat perniagaan, Pelancongan Warisan dan pertanian dan rekreasi (Sorotan Perak Sejahtera, 2023, <https://www.peraksejahtera.com/>). Penduduk Daerah Kinta (Ipoh) terdiri daripada majoriti kaum Cina Hakka dan Kantonis. Kebanyakan mereka tertumpu di Menglembu, Buntong, Tasek, Ampang, Bercham serta Pasir Puteh. Jumlah penduduk Ipoh menurut jenis kaum (Pejabat Daerah dan Tanah Kinta Ipoh <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/batu-gajah/geografi-daerah>) ialah 644,802 Jumlah kaum China 451,361 (37.0%), Melayu 109,616 (27.0%), India 80,600 (12.5%), Lain-lain 3,225 (10.5%) Penduduk Daerah Kinta (Batu Gajah) seramai 126,024 orang dan keluasan kawasan Bt Gajah lebih kurang 65,337.2 hektar (Majlis Daerah Bt Gajah: 2023). Rumah ibadat di Bandaraya Ipoh mengikut agama ialah masjid 63, surau 81, tokong 46, Kuil 19, Gereja 36 dan lain-lain 10 manakala di Batu Gajah masjid 18, surau 27, tokong 14, kuil 12, Gereja 7 dan lain-lain 6, ini menunjukkan rumah ibadat muslim iaitu masjid dan surau di Bandaraya Ipoh berjumlah 144 dan rumah ibadat bukan muslim

berjumlah 111. Manakala di Batu Gajah rumah ibadat muslim berjumlah 45 dan rumah ibadat orang bukan Islam berjumlah 39 buah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020:40).

Hak kebebasan beragama di Malaysia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 11(1), 11(2) dan 11(3) tetapi ia tertakluk kepada Perkara 11(4) dan 11(5). Perkara 11(1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya, Perkara 11(2) Tiada seorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diuntukkan khas kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama selain agamanya sendiri, Perkara 11(3) Tiap kumpulan agama berhak: (a) Menguruskan hal ehwal agamanya sendiri; (b) Menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau khairat; dan (c) Memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang. Perkara 11(4) Undang-undang Negeri, dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam, Perkara 11(5) Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang dan yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau kemoralan (Perlembagaan Persekutuan, 2010: 32-34).

Garis panduan pembinaan rumah ibadat orang Islam dan bukan Islam juga telah disediakan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Peruntukan rumah ibadat dengan nisbah 1 rumah 2,600 penduduk sama ada muslim atau bukan muslim. Ia ditentukan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa Malaysia di bawah Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Peruntukan tanah untuk perkuburan muslim ialah 5,000-10,000 = 0.5 -1.0 Hektar, 10,000-30,000 = 1.0-3.0 hektar, > 75,000 = 7.5 hektar dan > 200,000 = 20 hektar. Peruntukan perkuburan orang bukan Islam ialah 5,000-10,000 = 0.2-0.4 Hektar, 10,000-30,000 = 0.4-1.2 hektar, > 75,000 = 3.0 hektar dan > 200,000 = 8.0 hektar (Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat: 2016). Terdapat juga Garis Panduan yang diwujudkan oleh penganut-penganut agama lain dalam membina tokong, kuil, gereja dan gudwara seperti dibuat oleh NGO Pertubuhan Hindu Malaysia iaitu Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan (2017: 26-28). Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menetapkan garis panduan dan peraturan pembinaan rumah ibadat di bawah kawalan pembinaan premis ibadat yang mesti dipatuhi oleh orang Islam dan orang bukan Islam dalam negara. Kawalan ini bertujuan mengelak rusuhan dan memudahkan penyaluran bantuan dan intensif. Namun begitu masih ramai pengusaha rumah ibadat tidak menghiraukan ketetapan ini.

Orang bukan Islam di Malaysia tidak berpuas hati mengenai isu-isu berkenaan kerana mereka melihat ia tidak adil kepada mereka. Ini termasuklah Islam agama yang eksklusif, kebebasan beragama, bidang kuasa mahkamah, pembinaan rumah ibadat, isu bahasa dan negara Islam. Ekoran rasa tidak puas hati terhadap perkara ini, beberapa pertubuhan NGO bukan Islam telah ditubuhkan bagi menyuarakan bantahan mereka terhadap isu-isu ini seperti Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduisme and Sikhism (MCCBCHS) pada Ogos 1994, Suruhanjaya Inter-Agama atau Inter-Religious Commission (IFMC) pada Februari 2005 dan Kumpulan Artikel 11 (gabungan 13 NGO) pada Mei 2006. Islam dianggap penghalang interaksi antara orang Islam dan bukan Islam (Ashaari & Khushairi, 2019: 87-98).

Terdapat Empat belas tuntutan IFC dalam bentuk memorandum telah diserahkan kepada Majlis Peguam bertarikh 21 Ogos 2021 (Ismail: t.t: 14-17) iaitu: Islam dianggap tidak bertimbang rasa kepada penganut agama lain kerana tidak mengiktiraf tuhan-tuhan agama lain; Islam tidak

toleran kerana sukar untuk interaksi dengan mereka di rumah-rumah ibadat atau upacara agama orang bukan Islam; Peraturan perkahwinan dalam Islam mewajibkan pasangan beragama Islam dianggap sebagai paksaan; Peraturan makan di mana setiap produk mestilah halal dan bebas dari lemak babi, alkohol dan tidak disembelih, wajib guna logo halal supaya lesen tidak ditarik balik; Peraturan mempamerkan atau menghapuskan sesetengah amalan dan simbol yang dianggap mengancam orang Islam seperti larangan penjualan babi di pasar basah terbuka kecuali di tempat yang terlindung dari orang awam; Larangan mengembangkan atau menyebarkan agama kepada orang Islam dan isu murtad anggap menafikan hak asasi manusia dalam soal kebebasan beragama. Mahkamah Sivil mendengar kes-kes yang hanya di bawah pengadilan Mahkamah Syariah. Antaranya Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyebut: Islam adalah agama rasmi dan agama-agama lain dibenarkan diamalkan dengan aman. Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan menyebut: Agama-agama lain tidak dibenarkan menyebarkan ajaran mereka kepada orang Islam; Berkaitan bidang kuasa mahkamah syariah, Kumpulan Artikel 11 menuntut supaya Artikel 121(1A) iaitu Mahkamah Tinggi Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dibatalkan dan dipinda untuk membolehkan Mahkamah seperti kes penjagaan anak apabila salah seorang suami isteri memeluk agama Islam. Dalam kes ini Mahkamah Syariah sahaja berhak menentukan status agama anak-anak mereka; Penganut agama bukan Islam (Hindu, Budha, Kristian) sukar memohon permit membeli tanah dan memohon bantuan kerajaan untuk membina rumah ibadat; Pengharaman penjualan kitab suci dalam bahasa Melayu (Dis.1981) bimbang mempengaruhi orang Melayu Islam dan dibenarkan digunakan di gereja sahaja. Atas desakan mereka kerajaan membenarkan 10 buah tempat penjualan untuk mengimport dan mengedarkan kitab mereka (Mac 1984); Isu kalimah Allah (sejak 1986). Larangan penggunaan perkataan Arab yang dimelayukan bagi tujuan keagamaan telah wujud dan diputuskan oleh Jemaah Menteri (16 Mei 1986) yang memutuskan empat perkataan khusus iaitu Allah, solat, Kaabah dan Baitullah tidak dibenarkan penggunaannya oleh orang bukan Islam; Orang bukan Islam bimbang penubuhan negara Islam akan menyekat hak beragama mereka.

Kritikan ini perlu dijelaskan dengan penuh hikmah agar mereka faham kedudukan sebenar isu dan segala tindakan yang diambil oleh kerajaan serta penerangan mengenai keadilan sistem pemerintahan negara Islam. Persefahaman yang terjalin sejak sekian lama ini tidak harus dicemari dengan tuntutan dan pertikaian yang hanya akan mengundang kekacauan dan perasaan tidak puas hati sesama masyarakat Malaysia (Meerangani & Ramli:2016). Pihak bertanggungjawab boleh menyediakan garis panduan pembinaan tokong, kuil, gereja dan gudwara (Ahair, 2020:58). Menurut Ashaari et al. (2014) ia memerlukan kepada kebijaksanaan pemerintah atau kerajaan dalam menanganinya agar keharmonian dalam masyarakat majmuk ini sentiasa terjamin.

Isu rumah ibadat orang bukan Islam di Perak tidak pernah berkesudahan kerana ia melibatkan binaan konkrit yang sukar diselesaikan. Isu ini melibatkan kawasan binaan iaitu tanah, gua, dan pendaftaran binaan bangunan. Dalam menangani isu binaan rumah ibadat tidak berdaftar dan melibatkan gua batu kapur yang boleh mengundang bahaya dan bencana alam dan mengganggu ketenteraman awam sekiranya tidak dikawal dengan baik walaupun di sana telah sedia ada peruntukan tanah untuk binaan rumah ibadat dan garis panduan telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa di Malaysia yang boleh dijadikan rujukan semua pihak yang berkaitan pembinaan rumah ibadat seperti Akta 172 Bahagian IV Kawalan Perancangan Seksyen 18 (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan menurut rancangan tempatan (Undang-undang Malaysia Akta 172, 2021: 46). Garis Panduan ini juga menggariskan prosedur permohonan pembinaan bangunan.

Pembinaan rumah ibadat juga perlu mematuhi Seksyen 72 Akta 133 (Akta Jalan Parit dan Tali Air), Seksyen 82 Akta 171, Undang-undang Hak Terhadap Harta Perkara 13(1) dan 13(2) Perlembagaan Persekutuan, Galakan pendaftaran pertubuhan melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Persoalannya, apakah sebab dan apakah masalah mereka masih tidak mematuhi peraturan, adakah disebabkan tidak berpuas hati dengan peruntukan yang ada atau ada sebab-sebab lain yang menjadi asas mereka tetap dengan pendirian mereka. Bahkan isu sedia ada tetap memerlukan kepada kajian lebih mendalam agar isu-isu yang berlaku dapat dikenal pasti dan segala kelemahan mentadbir negara dalam menguruskan hak beragama mendirikan rumah ibadat orang bukan Islam diperbaiki untuk kesejahteraan negara. Kajian ini sangat penting dilaksanakan untuk memperolehi maklumat situasi sebenar supaya masalah dapat dikurangkan dan wujud kerjasama dan hormat menghormati serta toleransi dalam masyarakat berbilang kaum dan agama dalam negara agar dapat hidup aman dan harmoni.

Objektif Kajian

- i. Menenal pasti isu berkaitan rumah ibadat kaum Cina di daerah Kinta Perak.
- ii. Menjelaskan pandangan orang bukan Islam di daerah Kinta terhadap peruntukan hak beragama di negara Malaysia

Metodologi Kajian

Kajian adalah kajian kualitatif yang merupakan kajian lapangan. Pengkaji menggunakan metode tinjauan dan temu bual di rumah-rumah ibadat yang dipilih untuk menjalankan kajian. Peserta temu bual terdiri dari Ahli Lembaga Pengarah rumah ibadat, ahli jawatankuasa rumah ibadat dan pekerja pejabat di rumah ibadat yang dikaji. Temu bual yang dibuat secara fokus perbincangan berkumpulan (FGD) dan berdasarkan soalan semi struktur iaitu soalan yang telah dirangka dari awal untuk responden jawab dan soalan-soalan tambahan yang difikirkan sesuai untuk disoal untuk menjelaskan pandangan mereka terhadap peruntukan hak mendirikan rumah ibadat di Malaysia. Metode Dokumentasi juga diguna untuk mendapatkan data-data bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan rumah ibadat termasuk menyorot kedudukan demografi negeri dan daerah kajian dan maklumat undang-undang negara. Data-data yang diperolehi menerusi kaedah temu bual dan dokumentasi dianalisis (analisis deskriptif) bagi mendapatkan hasil kajian.

Hasil Kajian

Kajian ini telah menggunakan kaedah temu bual ke atas 10 peserta yang merupakan ahli jawatankuasa rumah ibadat dan temu bual dilaksanakan secara fokus perbincangan berkumpulan (FGD) dan juga secara individu. Soalan temu bual berdasarkan soalan semi struktur iaitu soalan yang telah dirangka dari awal untuk responden jawab dan soalan-soalan tambahan yang difikirkan sesuai untuk disoal. Soalan semi struktur telah dibuat bagi mendapatkan maklumat mengenai pandangan kaum Cina di daerah Kinta terhadap hak membina rumah ibadat yang diamalkan di Malaysia.

Soalan dibuat kepada 10 orang Ahli Jawatankuasa rumah ibadat orang bukan Islam (kaum Cina) yang dikunjungi di daerah Kinta Perak.

Jadual 1: Temu Bual Bersama Orang Bukan Islam (Kaum Cina) di Daerah Kinta Perak

S=Soalan P=Peserta	SI Adakah anda bebas mengamalkan ajaran agama tanpa sebarang gangguan di rumah ibadat?	S2 Apakah fungsi rumah ibadat?	S3 Kenapa masih tetap membina rumah ibadat di atas tanah milik orang lain?	S4 Kenapa sudah tahu merbahaya tetapi masih mengekalkan rumah ibadat?	S5 Kenapa membina banyak rumah ibadat dalam kawasan yang berdekatan?	S6 Adakah peruntukan (tanah, dana kewangan dan nisbah penduduk dan rumah ibadat 1:2,600), untuk binaan rumah ibadat agama anda mencukupi?
P1	Ya,	Untuk beribadat, Tempat pelancongan , Tempat urusan majlis kahwin, menyediakan dewan serbaguna untuk kursus, menguruskan pelupusan rumah berhala (tokong kecil) Shen Tan	Kerana sudah lama wujud lebih 100 tahun	Sudah lama bina setakat ini masih belum runtuh	kerana mazhab yang pelbagai	
P2	Ya	Tempat Pelancongan			Kerana agama sama tetapi aliran berbeza	Prosedur permohonan pembinaan yang rumit dan memerlukan kos dan masa
P3	Ya	Untuk ibadat		Sami yang tinggal di gua terkena sakit paru-paru, berpindah ke rumah ibadat lain dan datang sekali-sekala ke rumah ibadat di gua		Tidak bebas membina mengikut kesesuaian yang dikehendaki
P4	Ya	Sebagai tempat				Tidak mencukupi

		beribadat, pertemuan				
P5	Ya	Untuk ibadat, tempat pertemuan		Sudah lama bina tiada masalah		Belum dapat tanah dah dua kali memohon
P6	Ya	Beribadat				Harap Kerajaan dapat bagi bantuan kewangan
P7	Ya	Beribadat, perkahwinan				permohonan pembinaan yang rumit dan memerlukan kos dan masa
P8	Ya tapi kurang berpuas hati	Program- program keagamaan				Sukar dapat permohonan
P9	Ya Tapi kurang berpuas hati	Tempat beribadat	Tuan tanah tidak peduli			Harap Kerajaan dapat menjaga dan mengekal rumah ibadat sedia ada
P10	tapi kurang berpuas hati	Tempat beribadat			Untuk melakukan kebajikan kepada penganut	Harap Kerajaan dapat bantu hadir bagi panduan yang jelas dan nasihat mengenai pembinaan sebab ada yang tak tahu prosedur

Jadual 2: Analisa Temu Bual Responden: Pandangan Kaum Cina Daerah Kinta Perak Terhadap Peruntukan Hak Membina Rumah Ibadat

Tema 1: Kebebasan mengamalkan ajaran agama tanpa sebarang gangguan di rumah ibadat

Jawapan	Bilangan Peserta	Peratus
Ya (berpuas hati)	7	70%
Ya (kurang berpuas hati)	3	30%

Tema 2: Fungsi rumah ibadat

Fungsi Rumah Ibadat	Bilangan Peserta	Peratus
Tempat beribadat	9	90%
Tempat pertemuan /Majlis perkahwinan /Kebajikan	4	40%
Tempat pelancongan	2	20%
Kursus / program keagamaan	2	20%

Tema 3: Membina rumah ibadat di atas tanah persendirian

Sebab	Bilangan Peserta	Peratus
Permohonan rumit / sukar dapat tanah	3	30%
Rumah ibadat sudah lama wujud	2	20%
Tuan tanah tidak peduli	1	10%
Tidak dinyatakan / tiada jawapan	4	40%

Tema 4: Mengekalkan rumah ibadat di tempat yang membahayakan keselamatan

Sebab	Bilangan Peserta	Peratus
Sudah lama dibina, tiada masalah	2	20%
Sami berpindah, masih ziarah	1	10%
Tidak dinyatakan / tiada jawapan	7	70%

Tema 5: Membina banyak rumah ibadat dalam kawasan berdekatan

Sebab	Bilangan Peserta	Peratus
Mazhab / aliran berbeza	2	20%
Tidak bebas bina ikut kesesuaian	1	10%
Ramai penganut / tujuan kebajikan	1	10%
Tidak dinyatakan / tiada jawapan	6	60%

Tema 6: Peruntukan (tanah, dana, nisbah rumah ibadat dan jumlah penganut (1:2,600)

Jawapan / Isu	Bilangan Peserta	Peratus
Tidak mencukupi / harap bantuan kerajaan	5	50%
Prosedur rumit / sukar mohon	3	30%
Tidak dinyatakan / tiada jawapan	2	20%

Hasil kajian mendapati masyarakat Cina di daerah Kinta Perak berpendapat wujud hak kebebasan mengamalkan ajaran agama tanpa sebarang gangguan di rumah ibadat mereka. Ini kerana mereka tidak pernah menghadapi situasi diganggu oleh mana-mana pihak yang mewakili pihak kerajaan atau orang awam. Malahan tiada seorang pun responden menyatakan berhadapan perkara sedemikian atau dibawa isu amalan di mahkamah sivil. Namun begitu mereka merasakan terdapat kekangan dari segi proses mendapat kelulusan tanah, birokrasi yang panjang tempohnya, dan ketelusan dalam memberi peruntukan. Ada yang berpendapat walaupun secara prinsipnya kebebasan itu wujud, ia tidak dilaksanakan secara saksama antara semua kaum dan agama. Responden juga menyarankan agar garis panduan pembinaan rumah ibadat diperjelaskan dan dipermudahkan dan pihak berkuasa tempatan dan berharap agar wujud sistem yang lebih telus, adil serta efisien dalam urusan mendirikan rumah ibadat mereka. Mereka juga menekankan dialog antara komuniti agama dengan pihak berkuasa agar dasar-dasar berkaitan rumah ibadat dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan saksama kerana mereka masih merasakan peruntukan nisbah 1:2,600 penganut yang ada belum mencukupi dalam menubuhkan rumah ibadat, tiada kebenaran membina di gua batu kapur, tiada wakil penguasa hadir memberi panduan serta bimbingan nasihat yang jelas tentang prosedur pembinaan kerana tidak semua memahaminya, tiada peruntukan dana kewangan, permohonan pembinaan yang rumit dan memerlukan kos yang banyak, permohonan mengambil masa yang panjang dan sukar mendapat peruntukan dan permohonan tanah.

Antara isu rumah ibadat kaum Cina di daerah Kinta Perak melalui tinjauan dan maklumat responden ialah isu rumah ibadat di gua batu kapur mengalami bahaya batu-batu kapur yang jatuh di dalam rumah ibadat, membina rumah ibadat di tanah milik orang lain, rumah ibadat

tidak berdaftar, rumah berhala kecil (Shen Tan) yang dibuang merata-rata apabila tidak digunakan boleh menjejaskan alam sekitar dan rumah ibadat yang dibina berdekatan antara satu sama lain sehingga mencecah 19 buah dalam satu kawasan berhampiran.

Penemuan ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik mengenai keharmonian antara agama dan merangka dasar yang lebih inklusif bagi memastikan hak kebebasan beragama dihormati oleh semua pihak.

Kesimpulan

Kesimpulannya penulis mencadangkan beberapa tindakan yang perlu dibuat sebagai penambahbaikan dalam isu pengurusan rumah ibadat orang bukan Islam, iaitu:

- i. Pihak berkuasa tempatan perlu menyediakan jawatankuasa untuk memantau kedudukan rumah ibadat baru hendak dibina, sedang dibina dan telah terbina
- ii. Pihak bertanggungjawab membuat pertemuan menerangkan prosedur penubuhan kepada pengusaha rumah ibadat agar mereka faham dan mematuhi undang-undang
- iii. Pihak berkuasa tempatan mengeluarkan arahan atau sentiasa memberi peringatan kepada pemilik tanah untuk meletakkan papan tanda tanah tidak boleh dicerobohi,
- iv. Pihak berkuasa mengadakan perbincangan dengan pemilik rumah ibadat sekiranya rumah ibadat sudah lama terbina agar satu keputusan tegas dapat diambil sekiranya ia melibatkan keselamatan pengunjung, bakal mengundang bencana alam dan penggunaan tanah milik orang lain.
- v. Dakwaan kewujudan binaan lebih 100 tahun atau 155 tahun perlu dikaji semula kerana ia merupakan tempoh yang terlalu lama. Pengkaji mendapati ada di antara rumah ibadat yang tidak ada tahun penubuhan.

Oleh itu, Pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Tempatan perlu memberi perhatian serius dalam menyelesaikan permasalahan rumah ibadat orang bukan Islam kerana ia melibatkan keselamatan mereka dan orang awam.

Rujukan

- Ahair, N. F. M., & Kusrin, Z. M. (2020). Kawalan undang-undang terhadap pembinaan rumah ibadat di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(2), 53–64.
- Ahmad, S. (2022, Januari 16). Isu tokong: Jawatankuasa khas libatkan parti politik. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/183352/edisi/isu-tokong-jawatankuasa-khas-libatkan-parti-politik>
- Al-Kharbutli, A. H. (1969). *Al-Islam wa Ahl al-Dhimmah*. Majlis al-A'la li al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Ashaari, M. F., & Khushairi, M. A. (2019). Isu-isu agama dalam hubungan antara kaum di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1), 87–98.
- Ashaari, M. F., et al. (2014). *Isu-isu agama dalam hubungan etnik di Malaysia*. DUPP Publications.
- Audah, A. Q. (n.d.). *Tashri' Jinai'e*. Dar al-Kutub al-'Arabi.
- Barakat, A. M. A. (1990). *Al-Islam wa al-Musawah baina al-Muslim wa Ghair al-Muslim*. Muassasah al-Syabab al-Jami'ah.
- Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan. (2017). (Ranee Narendranath, Trans.). Malaysia Hindu Sangam, MVS WIN Trading.
- Ismail, M. A. (n.d.). *Cabaran aqidah: Pemikiran Islam liberal*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/media-menu/penerbitan/ebook/4738-cabaran-akidah-pemikiran-islam-liberal>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (2016). *Garis panduan perancangan kemudahan masyarakat*. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *My Local STATS Kinta Perak 2020*. Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *My Local STATS Perak 2021*. Jabatan Perdana Menteri. https://www.perak.gov.my/images/menu_utama/ms/kerajaan_negeri/data_UPEN/MyLocalStatsPerak/Perak/MLSNPerak2021.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Jumlah penduduk Malaysia terkini 2023 – Statistik terkini*. <https://www.permohonan.my/jumlah-penduduk-malaysia-terkini/#anggaran-penduduk-semasa-malaysia-tahun-2023>
- JPS Komuniti. (2014). *Profil Daerah Kinta: Perak Darul Ridzuan*. <https://www.slideserve.com/angelo/profile-daerah-kinta-perak-darul-ridzuan>
- Majlis Daerah Batu Gajah. (2023). Objektif, visi dan misi. *Portal Rasmi Majlis Daerah Batu Gajah*. <https://www.mdbg.gov.my/index.php/korporat/objektif,-visi-misi>
- Meerangani, K. A., & Ramli, R. (2016). Hak asasi non-Muslim di Malaysia menurut Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Islam. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(3), 1675–1930.
- Mohamad, T. A. H. (2020, Jun 23). Ahli politik penceroboh tanah dan isu rasis. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/89029/khas/pendapat/ahli-politik-penceroboh-tanah-dan-isu-rasis>
- Pejabat Daerah dan Tanah Kinta Batu Gajah. (n.d.). *Geografi daerah: Senarai mukim dan statistik kampung*. <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/batu-gajah/geografi-daerah>
- Pejabat Daerah dan Tanah Kinta Ipoh. (2021). *Geografi daerah*. <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/ipoh/geografi-daerah?target=geografi%20daerah>
- Perak Sejahtera. (2023). *Sorotan Perak Sejahtera 2023*. <https://www.peraksejahtera.com/>
- Tiada pengarang. (2022, Januari 10). Perak bincang isu notis pengusiran tokong dibina dalam gua. *Bernama*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perak-bincang-isu-notis-pengusiran-tokong-dibina-dalam-gua-340956>

Undang-undang Malaysia. (2021). *Akta 172: Akta Perancang Bandar dan Desa 1976*. Jabatan Perancang Bandar dan Desa.
https://www.planmalaysia.gov.my/index.php/database_stores/store_view/16?mid=639
Yaacob, A. M. (1986). *Hak asasi manusia menurut Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.